

**UCAPAN MENTERI PENERANGAN, PERHUBUNGAN DAN KESENIAN DAN MENTERI BERTANGGUNGJAWAB BAGI EHWAL MASYARAKAT ISLAM, DR YAACOB IBRAHIM DI SEMINAR PENDAMPING, SABTU, 15 OKTOBER 2011, 9.00 PAGI DI HOTEL GRAND HYATT**

Presiden Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS),  
Haji Mohd Alami Musa

Sahibus Samahah Mufti Negara Singapura,  
Dr Mohd Fatris Bakaram

Para hadirin sekalian

Assalammualaikum Wr Wb.

Saya berbesar hati kerana dapat hadir bersama tuan-tuan dan puan-puan sekalian di Seminar Pendamping atau *Befrienders' Seminar* yang diadakan buat julung-julung kali ini. Seminar ini diadakan untuk mengiktiraf semangat, sumbangan dan komitmen para relawan yang telah mengukuhkan masjid serta memperkasa institusi keluarga kita.

2 Skim Pendamping Masjid telah berkembang sejak ia dilancarkan pada akhir tahun 2008. Skim ini merupakan satu komponen di bawah skim Kelompok Masjid Yang Dipertingkat atau Enhanced Mosque Cluster (EMCs). Saya difahamkan ketika dilancarkan pada tahun 2008, skim ini hanya mampu menarik 79 pendamping. Kini, bilangan pendamping telah mencapai 400 orang. Ini merupakan satu perkembangan yang memberangsangkan. Walaupun demikian, saya harap jumlah pendamping masjid akan terus meningkat kerana kita

memerlukan 600 pendamping pada masa hadapan untuk memberi sokongan moral dan emosi kepada sekitar 2,000 keluarga penerima zakat MUIS.

3 Secara umum, Skim Pendamping Masjid bertujuan untuk memberi bantuan secara menyeluruh kepada para penerima zakat ataupun keluarga-keluarga yang memerlukan, termasuk keluarga berpendapatan rendah, ibu tunggal dan warga tua yang tinggal bersendirian. Para pendamping masjid juga berperanan untuk memperkasakan keluarga-keluarga ini supaya mereka dapat berdikari dan menjalani kehidupan biasa seperti keluarga-keluarga lain.

4 Salah seorang pendamping yang boleh dijadikan contoh ialah Puan Saripah Jasman, 53 tahun, yang merupakan seorang Pegawai Tetamu atau Guest Officer di Majlis Sukan Singapura (SSC). Puan Saripah mula berjinak-jinak dengan kerja-kerja kemasyarakatan apabila beliau menyertai kumpulan Muslimah Masjid Kampung Siglap pada tahun 2001. Beliau mula menjadi seorang pendamping di Kelompok Masjid Tenggara, atau *South East Mosque Cluster (SEMC)* sejak 3 tahun yang lalu. Tanpa mengenal penat lelah, Puan Saripah telah berkunjung dari rumah ke rumah setiap minggu selepas waktu pejabat. Keluarga-keluarga yang dibantu beliau kini mula menunjukkan perkembangan yang positif.

5 Seorang lagi pendamping ialah Encik Abdul Rahman Gani, seorang pesara, 62 tahun dari Masjid Al-Huda. Beliau serta isterinya, Puan Sapiyah Abdul Hamid, telah menjadi pendamping sejak dua tahun yang lalu. Encik Rahman telah membantu sebuah keluarga untuk mendapatkan bantuan daripada Majlis Pembangunan Masyarakat

(CDC) North West. Keluarga ini akhirnya dapat melunaskan bil keperluan asas rumah secara tetap. Encik Rahman juga telah memastikan bahawa masalah kewangan tidak menjadi hambatan bagi keluarga ini untuk mendapatkan rawatan bagi salah seorang anggotanya.

6 Kedua-dua pendamping tadi telah membuktikan kesungguhan untuk membantu keluarga-keluarga yang memerlukan. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada kesemua para pendamping masjid yang berusaha gigih dalam usaha meningkatkan mutu kehidupan masyarakat Melayu secara keseluruhan.

7 Sejak setahun yang lalu, MUIS telah giat melakar satu sistem pengurusan untuk memantau serta mempertingkat keberkesanan Skim Pendamping Masjid.

8 Inisiatif-inisiatif yang dilakar termasuklah menyediakan latihan kemahiran bagi para pendamping di *Social Service Training Institute*. Satu 'sistem buddy' juga diwujudkan di mana para pendamping baru diberi tunjuk ajar dan bimbingan oleh para pendamping yang lebih berpengalaman.

9 Inisiatif-inisiatif yang lain juga termasuk mendirikan satu pangkalan data atau 'database' untuk menyimpan butir-butir peribadi pendamping, menyediakan anugerah untuk mengiktiraf para pendamping yang berkhidmat sekian lama dan juga memberi peluang kepada para pendamping untuk menghadiri acara-acara anjuran MUIS.

10 Butir-butir penuh tentang inisiatif-inisiatif berkenaan boleh didapati dalam Buku Panduan untuk Pendamping Masjid yang akan dilancarkan sebentar nanti.

11 Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, kejayaan Skim Pendamping Masjid tidak semata-mata bergantung kepada inisiatif-inisiatif yang baru saya sebut tadi. Para pendamping sendiri merupakan anak kunci bagi kejayaan skim ini.

12 Para pembimbing seperti anda telah meluangkan masa lapang untuk mendampingi dan membantu keluarga-keluarga yang memerlukan atau kurang bernasib baik. Kehadiran anda dalam hidup mereka memberi golongan ini harapan untuk meneruskan perjuangan dan memperbaiki nasib mereka. Saya pasti bantuan anda juga membolehkan anak-anak mereka meneruskan persekolahan demi masa depan yang lebih cerah, insya-Allah.

13 Pendek kata, anda terus menghidupkan semangat gotong-royong yang sememangnya merupakan tradisi masyarakat kita. Melalui sikap bergotong-royong ini, masyarakat kita telah berjaya mengatasi pelbagai cabaran pada masa lalu. Semangat gotong-royong yang anda tunjukkan pula akan membantu keluarga-keluarga ini mengatasi masalah atau cabaran yang dihadapi agar mereka dapat berdikari dan membina masa depan yang lebih cerah.

14 Keupayaan para pendamping untuk mendekati keluarga-keluarga ini juga akan membantu masjid-masjid untuk memahami isu-isu yang dihadapi oleh penduduk di sekitar mereka. Peranan anda sebagai nada penghubung atau 'conduit' akan membolehkan masjid-

masjid untuk melakarkan program-program yang sesuai bagi memenuhi keperluan jemaah masing-masing.

15 Saya juga berharap masjid-masjid setempat akan terus memperkukuhkan kerjasama dengan agensi-agensi nasional dan badan-badan seperti Yayasan Mendaki dan Pusat Khidmat Keluarga (FSC). Kerjasama serupa ini mampu menghasilkan satu rangkaian bantuan bersepadu yang boleh dimanfaatkan oleh para pendamping ketika melaksanakan tugas mereka. Ini juga dapat memastikan bahawa keperluan keluarga-keluarga penerima zakat ini dipenuhi dengan sewajarnya.

## **PENUTUP**

16 Sebagai penutup, saya mengucapkan syabas kepada saudara-saudari sekalian kerana rela membantu keluarga-keluarga yang memerlukan. Sokongan dan bantuan anda harus diteruskan demi menjana kecemerlangan masyarakat Melayu/Islam setempat.

17 Sekian, terima kasih.